



SIARAN MEDIA

BOMBA DIBEKALKAN 30 JENTERA FRT BAHARU, PERKUKUH KESIAPSIAGAAN WIRA MERAH MENJELANG MUSIM PERAYAAN

PUTRAJAYA, 9 Februari 2026 – Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini telah menerima **30 jentera Fire Rescue Tender (FRT)** baharu yang lebih lengkap dan efisien bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan wira merah negara, khususnya menjelang musim perayaan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming berkata, pembekalan jentera FRT baharu menerusi kerjasama awam-swasta bersama CLW Automobile Sdn. Bhd, adalah bagi menggantikan jentera bomba usang yang telah melebihi usia 20 tahun.

“Langkah ini bukan sahaja memperkukuh keupayaan operasi JBPM, malah memastikan keselamatan rakyat dapat dilindungi dengan lebih berkesan, terutamanya ketika musim perayaan yang berisiko tinggi berlakunya insiden kebakaran,” katanya pada **Majlis Penyerahan Jentera Bomba dan Ops Siaga Raya Tahun 2026 di IOI Putrajaya** hari ini. Dalam pada itu, JBPM terus memperkukuh penguatkuasaan undang-undang serta langkah pencegahan awal menerusi Aktiviti Menghapus Bahaya Kebakaran (MBK).

Melalui sasaran 18,000 pemeriksaan bangunan setahun, risiko kebakaran dapat dikenal pasti lebih awal, sistem keselamatan dapat dipastikan berfungsi, dan pemilik premis dapat diarahkan mengambil tindakan pembaikan segera demi mewujudkan persekitaran bangunan yang lebih selamat.

Menurut beliau, pada tahun lalu JBPM telah melaksanakan 21,429 pemeriksaan iaitu hampir 19 peratus atau 3,429 pemeriksaan melebihi sasaran yang ditetapkan. Sebanyak 11,260 notis telah dikeluarkan melibatkan 1,612 premis di seluruh negara.

Di samping penguatkuasaan, JBPM turut melaksanakan program pendidikan dan kesedaran awam bagi membudayakan amalan pencegahan sendiri. Melalui platform seperti Kelab Bomba Cilik, Bomba Junior, Kadet Bomba, Bomba Siswa dan Bomba Komuniti, jabatan menyasarkan 12,000 program setahun bagi meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai aspek keselamatan serta keupayaan bertindak

awal ketika kecemasan.

“Kita perlu mengambil pendekatan yang lebih tegas dan tidak berkompromi bagi memastikan semua aspek keselamatan kebakaran di bangunan sentiasa dipatuhi selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

“Namun begitu, keselamatan tidak boleh dipikul oleh kementerian dan agensi semata-mata. Ia mesti menjadi budaya yang sehati dalam kehidupan masyarakat, sama ada di rumah, di sekolah, di jalan raya atau di mana-mana sahaja”, tambah beliau.

Beliau turut menasihati orang ramai supaya berwaspada dan mengelakkan risiko kebakaran ketika bermain bunga api sepanjang musim perayaan, selain memastikan kanak-kanak sentiasa berada di bawah pengawasan orang dewasa.

“Orang ramai juga diingatkan agar tidak meletakkan perabot, basikal atau barangan yang tidak digunakan di laluan koridor, tangga kecemasan dan ruang laluan kondominium kerana ia boleh menghalang laluan keselamatan sekiranya berlaku kecemasan. Kita mahukan semua rakyat sentiasa cakna, berpengetahuan dan bertanggungjawab terhadap aspek keselamatan awam,” ujar beliau.

Penambahan aset JBPM menjelang musim perayaan ini dilihat mampu memberikan keyakinan tambahan kepada masyarakat terhadap tahap kesiapsiagaan Wira Merah. Namun, kerjasama orang ramai dalam mematuhi langkah pencegahan kebakaran, mengamalkan pemanduan berhemat semasa pulang ke kampung, serta memastikan kediaman berada dalam keadaan selamat sebelum ditinggalkan amatlah dituntut. Segala persediaan ini penting bagi memastikan kegembiraan menyambut perayaan tidak berakhir dengan tragedi.

#MalaysiaMADANI
#Kemampuan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

UKK
K P K T